

**NO SOALAN : 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN  
ABDUL AZIZ (RAUB)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.03.2015 (SELASA)**

**YB DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-**

- A) Di manakah wang sebanyak USD2.318 bilion yang dikatakan telah di "*fully redeemed*" oleh CEO 1MDB Arul Kanda; dan
- B) Di manakah wang sebanyak USD1.215 bilion yang dikatakan bahagian pertama dari USD2.138 bilion disimpan

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Dana pelaburan 1MDB sebanyak USD2.318 bilion yang telah diuruskan oleh Cayman Monetary Authority telah ditebus (*redeemed*) dalam dua *tranches*. Penebusan *tranche* pertama sebanyak USD1.215 bilion telah digunakan untuk pembayaran faedah hutang, *working capital*

dan pembayaran kepada Aabar berikut dengan penamatkan *Option Agreements* yang ditandatangani pada 17 Oktober 2012. Keputusan untuk menamatkan *Option Agreements* tersebut dibuat bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti sekiranya cadangan 1MDB untuk tawaran IPO dilaksanakan kelak.

Penebusan *tranche* kedua adalah sebanyak USD1.103 bilion dan dana tersebut masih disimpan dalam mata wang US Dolar di BSI Bank Limited Singapore (BSI Singapore). Keputusan untuk menggunakan Bank di Singapura bertujuan untuk memudahkan urusan pengeluaran wang memandangkan peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) memerlukan kelulusan BNM diperoleh bagi setiap transaksi wang melebihi RM50 juta.